

PENCAK SILAT

Pesilat Singapura 12 SEP 1987 janjikan pingat emas

PESILAT-PESILAT Singapura enggan meletakkan sebarang matlamat, tetapi berjanji mereka tidak akan mengecewakan untuk memenangi pingat emas.

Pencak silat, yang dipertandingkan buat julung-julung kali dalam Sukan SEA ini, akan berlangsung di Gelanggang Remaja Jakarta Timur mulai malam ini. Upacara menimbang dijalankan pada sebelah pagi.

Daripada 15 pingat emas yang dipertandingkan, Indonesia kelihatan yakin memenangi lapan meskipun ia menaruh harapan untuk menyapu bersih.

Singapura, yang menurunkan 10 pesilat termasuk tiga wanita, berharap untuk mendapatkan antara tiga hingga lima pingat emas.

Pengurus pasukan, Johari H. M. Uriff berkata: "Adalah sukar untuk menyatakan bilangan pingat emas yang harus

kami menangi."

"Ini bukan saja kerana kami belum mengetahui siapa bakal pencabar dalam pusingan pertama, malah persembahan pesilat-pesilat di gelanggang pertandingan juga akan menjadi penentu.

"Dari segi persiapan, kesemua 10 pesilat telah menjalani latihan intensif sejak enam bulan lalu. Tetapi persiapan Skwad Nasional sebenarnya bermula November lalu.

"Kesemua peserta yang ke Jakarta ini merupakan juara-juara nasional dan ada antaranya pernah bertanding di peringkat antarabangsa."

Pengalaman antarabangsa yang disertai oleh pesilat-pesilat Singapura ialah Kejohanan Undangan Indonesia dalam tahun 1982 dan 1984, dan Kejohanan Dunia di Vienna, Austria, tahun lalu.

"Sungguhpun pesilat-pesilat kami hanya mampu memungut pingat gangsa di peringkat antarabangsa, namun mereka tetap menunjukkan keupayaan untuk bersaing," jelas Johari.

"Oleh itu, kejayaan bergantung kepada pencabar dan prestasi masing-masing semasa di gelanggang kelak."

Pesilat-pesilat putera Singapura terdiri daripada Abdul Talib Thambi dalam kelas 'A' (40-45kg), Anuar Aziz (B, 45-50kg), Zakariah Daud (C, 50-55kg), Azman Ahmad (D, 55-60kg), Azrin A. Rahim (E, 60-65kg), Jamal Jantan (F, 65-75kg) dan S. Alauddin Ya'akob (G, 70-75kg).

Srikandi Singapura pula terdiri daripada Hazra Khanam Mohd Ashraf (A, 40-45kg), Badriah Hosni (B, 45-50kg) dan Shamsiah Hosni (C, 50-55kg).

Silat dapat eratkan lagi silaturrahim.

PENGENALAN pencak silat dalam Sukan SEA Ke-14 ini telah dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan di kalangan negara-negara Asean.

Malah, semangat persaudaraan telah ditekankan dan diberi keutamaan di samping setiap negara peserta berusaha untuk merebut pingat emas.

Setiausaha Agung Persatuan Pencak Silat Seluruh Indonesia (IPSSI), Harsoyo berkata: "Sukan tradisional yang berasal dari rantau Asean ini bukan saja bertujuan untuk mencapai prestasi yang tinggi, malah mengeratkan persaudaraan.

"Kini, kita telah dapat menyaksikan bersama bahawa sukan pencak silat telah memainkan peranan mengeratkan hubungan antara Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan Brunei, yang aktif dalam sukan ini."

Pertama kali pencak silat diketengahkan ialah sebagai acara pertunjukan dalam Sukan SEA 1979 di sini dan kemasukannya dalam temasya sukan ini sungguh dialu-alukan oleh negara-negara peserta.

Turut melahirkan rasa gembira ialah wakil-wakil dari Singapura, Malaysia, Brunei dan Thailand.

Mengenai harapan Indonesia, Harsoyo berkata: "Berdasarkan reputasi, kami kelihatan mengatasi pasukan lain, tetapi keupayaan pesilat-pesilat Singapura dan Malaysia tidak boleh dianggap mudah."